

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, February 19, 2020 3:05 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kekuatan Ilmu, Wakaf Mantapkan Pembangunan Islam



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

19 FEBRUARI 2020 / 25 JAMADILAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

KEKUATAN ILMU, WAKAF MANTAPKAN PEMBANGUNAN ISLAM



UUM ONLINE: "Sayyidina Uthman al-Affan dikurniakan Allah dengan kekayaan yang melimpah ruah, pemurah, dermawan dan sangat mengambil berat tentang kebajikan, malah sehingga sekarang masih memiliki akaun bank di Arab Saudi serta memiliki hotel yang digunakan untuk pembangunan Islam," kata Habib Ali Zaenal Abidin Al-Hamid pada Bicara Ulama' Sempena Sambutan Hari Pengasasan UUM Ke-36 di Dewan Mu'adzam Shah, semalam.

Pendakwah terkenal itu berkata, Rasulullah SAW amat menggalakkan wakaf kerana manfaat yang diperoleh berterusan dan meluas walaupun pemberinya sudah tiada.

Menurutnya, Universiti Al-Azhar, Mesir dan beberapa universiti terkenal juga ditubuhkan hasil kekuatan wakaf yang diberikan oleh umat Islam yang melahirkan ramai ilmun.

Mengimbas sejarah, katanya, penduduk Madinah pernah melalui musim kemarau dan satu-satunya sumber air yang ada ketika itu dimiliki seorang Yahudi telah menyebabkan penduduk terpaksa membeli air dari orang Yahudi itu.

“Melihat keadaan umatnya, Rasulullah SAW bersabda sesiapa yang menyumbangkan hartanya untuk dapat membebaskan telaga itu, lalu mendermakannya untuk kaum Muslimin, maka akan mendapat sebuah perigi di syurga.

“Sayyidina Uthman teringin dengan tawaran yang dijanjikan lalu membeli Telaga Rummah dengan harga yang sangat mahal untuk diwakafkan kepada umat Islam yang digunakan sehingga hari ini,” katanya.

Dalam majlis ilmu itu, Habib Ali Zaenal Abidin turut berkongsi kisah Rasulullah yang diutus Allah sebagai seorang Muallim (pendidik) untuk menunjukkan tentang kepentingan peranan guru, pensyarah atau pendidik.

Beliau berkata, selama 23 tahun berdakwah, Rasulullah SAW berjaya mengubah satu bangsa yang menjadi kayu ukur kepada perubahan global manusia di mana sahaja mereka berada.

Menurutnya, sejarah menceritakan tentang zaman jahiliah daripada aspek pendidikan, budaya, kuasa, sistem ekonomi yang zalim yang kaya menindas yang miskin, budaya bertentangan dengan fitrah apatah lagi agama.

“Daripada aspek-aspek ini, ia diubah oleh Rasulullah SAW secara keseluruhannya dengan ilmu sehingga dapat membanteras terpesongnya akidah, memberi hidayah kepada yang tersesat jalan dan membimbing sistem ekonomi yang adil.

“Bila bercakap tentang institusi pendidikan yang menjadi kayu ukur bukan bangunannya tetapi isi bangunan seperti peranan pendidik, strategi atau cara tepat untuk mendidik dan kekuatan ekonomi melalui wakaf, niat yang ikhlas, sistem yang rapi adalah kekuatan untuk memantapkan institusi pendidikan,” katanya.

Beliau berkata, manusia akan berjaya dengan adanya pendidik dan seorang pendidik hendaklah memilih strategi atau pelbagai cara yang sesuai untuk mendidik, seterusnya akan memberi kejayaan kepada anak didik.

Selain itu, menurutnya, manusia mencari ilmu kerana Allah bukannya dengan niat sebaliknya yang akan mencampakkan seseorang itu ke lembah kebinasaan.

“Sesiapa yang mencari ilmu bertujuan untuk riak, berdebat atau memperlekehkan orang lain dan menarik perhatian orang, tidak akan masuk syurga malah sesiapa yang mencari ilmu untuk habuan dunia tidak akan mencium bau syurga.

“Allah juga mengajarkan adab padaku (Rasulullah SAW), adab yang menjadi buah pada ilmu yang dapat dilihat dalam kalangan para sahabat. Ilmu tanpa adab tidak akan sempurna dan tidak berkat,” katanya.

Mengakhiri majlis ilmu itu, beliau berharap UUM akan terus maju dan diberi ilham untuk melahirkan graduan yang akan menjadi khalifah untuk menuruti perintah Allah, pensyarah mempunyai jiwa dan tanggungjawab seperti Rasulullah SAW.

Hadir sama, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani dan pegawai kanan universiti, warga kampus serta masyarakat luar.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.